



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/97 (47)
Tarikh : // November 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 KE GRED W22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan pemangkuan bagi jawatan berkenaan. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred W22 apabila memenuhi syarat-syarat berikut:-

- 2.1 **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik sebagai PT(Kew) Gred W19 pada **31 Januari 2005 dan sebelum;**
- 2.3 **Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2013, 2014 dan 2015) **tidak kurang 80%;**
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;



- 2.9 Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan tetap sebagai PT (Kew) Gred W19 berubah ke tarikh 01 Februari 2005 dan seterusnya disebabkan faktor-faktor berikut:
- i. Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda;
 - ii. Cuti separuh gaji; dan
 - iii. Cuti tanpa gaji.

2.10 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan calon-calon yang **bersedia untuk penempatan semula mengikut kekosongan di seluruh negara sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini.**

4. Bagi calon-calon lantikan sehingga Jun 2004 pula, permohonan perlu dikemukakan bersama **Borang B1 (Penilaian Time-Based Berasaskan Kecemerlangan)** memandangkan calon telah genap tempoh 13 tahun perkhidmatan untuk diperakukan kenaikan pangkat.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 30 November 2016** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 Jabatan Perkhidmatan Awam
 Bahagian Perkhidmatan
 Aras 1, Blok C2, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 PUTRAJAYA
(u.p. : Puan Norziah binti Tajuddin)

6. Adalah diingatkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.**

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

i. **Puan Noraini Binti Osman Basah** - 03-8885 4782
(noraini.osman@jpa.gov.my)


ii. **Puan Farah Nadia Binti Md Jali** - 03-8885 4147
(nadia.jali@jpa.gov.my)

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(NORZIATULSHIMA BINTI TAJUDDIN)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : shima.tajuddin@jpa.gov.my